

PM tidak perlu sah surat Ghafar

Oleh Izman Ismail

B.H.30 OCT 1993

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, berkuatkuasa serta-merta pada tarikh surat dikeluarkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, mengikut peraturan, beliau tidak perlu mengesahkan surat perletakan jawatan itu sebagai tanda menerima keputusan Ghafar berbuat demikian.

Sehubungan dengan itu, katanya, keputusan perletakan jawatan Ghafar itu turut membabitkan kedudukannya dalam Kabinet sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

"Saya sudah menghubungi Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman bagi mendapatkan penjelasannya.

"Menurutnya, perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak memerlukan persetujuan daripada saya.

"Ini bermakna perletakan jawatan Ghafar serta-merta.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh kata saya tidak terima.

"Perletakan jawatan itu juga bersekali dengan kedudukannya (Ghafar) sebagai menteri di dalam Kabinet," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang Belanjawan Negara 1994 di Parlimen di sini, hari ini.

Ghafar yang tidak menghadiri sidang Belanjawan kali ini, menyerahkan surat perletakan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri kepada Dr Mahathir pada 15 Oktober lalu.

Ketika ditanya sama



DR MAHATHIR
...serta-merta

ada beliau sudah menemui Ghafar bagi membincangkan perkara itu, Dr Mahathir berkata:

"Setakat ini, saya belum dapat jumpa Ghafar."

Selain itu, Dr Mahathir mengesahkan beliau sudah menerima surat perletakan jawatan Tun Datu Mustapha Datu Harun sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah.

"Bagaimanapun, saya belum memikirkan serta membuat sebarang keputusan mengenainya," katanya.

Sementara itu Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat berkata ibu pejabat Umno sudah menghantar surat jemputan kepada Ghafar untuk merasmikan serentak perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita pada 3 November ini.

Katanya, surat itu yang dihantar Selasa lalu ada-

lah makluman kepada Ghafar bahawa Majlis Tertinggi (MT) parti membuat keputusan mengekalkan tradisi Timbalan Presiden Umno merasmikan kedua-dua perhimpunan berkenaan.

"Pada masa lalu, ibu pejabat Umno tidak menghantar surat seumpama itu tetapi memandangkan pada tahun ini sudahpun berbangkit persoalan siapa yang akan merasmikan perhimpunan berkenaan, saya terpaksa menulis surat itu," katanya pada persidangan akhbar di ibu pejabat Umno, di sini, hari ini.

Bulan lalu, beberapa pemimpin Umno mencadangkan supaya perhimpunan itu dirasmikan pemimpin yang tidak terlibat dalam pemilihan sebarang jawatan pada perhimpunan agung Umno kali ini.

Mereka yang membuat cadangan itu kkuatir Ghafar, yang pada ketika itu mahu mempertahankan jawatan Timbalan Presiden, akan menggunakan perhimpunan agung Pemuda dan Wanita sebagai 'platform' untuk 'menyerang' calon-calon yang tidak menyokongnya.

Oleh kerana persoalan itu sudah dibangkitkan, Mohamed berkata, MT Umno terpaksa membuat keputusan tegas mengekalkan tradisinya iaitu Ghafar, selaku Timbalan Presiden, akan merasmikan perhimpunan berkenaan.

Bagaimanapun pada 21 Oktober, Ghafar, yang mendapat hanya tujuh pencalonan untuk mempertahankan jawatan itu berbanding 145 yang diperolehi Menteri Kewa-

ngan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menolak pencalonan untuk mempertahankankannya dan sekaligus memberi kemenangan tanpa bertanding kepada Anwar.

Mohamed berkata, setakat ini Ghafar masih belum memberi sebarang jawapan kepada surat jemputan itu.

Katanya, walaupun Ghafar tidak perlu memberi jawapan, tugas ibu pejabat Umno untuk melaksanakan keputusan MT sudahpun dilaksanakan dengan penghantaran surat itu.

Beliau juga berkata, ibu pejabat Umno sudahpun menghantar jemputan kepada lima parti politik negara luar dan 16 Kelab Umno untuk menghadiri perasmian perhimpunan agung Umno pada 4 Nov.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan berkata, parti-parti politik yang diundang ke majlis itu ialah Persatuan Melayu Singapura, Parti Tindakan Rakyat (PAP) Singapura, Golongan Karyawan (Golkar) dari Indonesia, Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) dan Pergerakan Demokratik Rakyat Papua New Guinea.

Kelab-kelab Umno pula ialah dari United Kingdom/Eire, Washington DC, Connecticut, California, Jordan, Emiriyah Arab Bersatu, Kahirah, Jepun, New Zealand, Australia, Pakistan, Jakarta, Bandung, Surabaya, Pekan Baru dan Medan.

Katanya, perhimpunan agung Umno tahun ini juga dijangka dihadiri 1,769 perwakilan dan lebih 500 wartawan dari dalam dan luar negeri.